

## **JOM BACA@PHS: INISIATIF PERKONGSIAN ILMU**

Mohd Kamal Mohd Napiah, Nor Azan Ibrahim, Intan Haryati Ibrahim, Rosnani Ahmad, Fujica Azura Fesal, Noor Adilah Azmi, Muhammad Hanifah Mahabat @ Mohamed, Hazwani Jamaluddin, Hazaralie Ramlee, Mohd Hezri Mansor, Muhamad Amin Azmi, Mohd Hazlee Abdul Halil

Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia  
11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA  
[mohdkamal@usm.my](mailto:mohdkamal@usm.my)

Mohd Jamil Kasim  
Perpustakaan Kejuruteraan, Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia, Seri Ampangan,  
14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang, MALAYSIA  
[Ibjamil@usm.my](mailto:Ibjamil@usm.my)

## JOM BACA@PHS: INISIATIF PERKONGSIAN ILMU

### ABSTRAK

Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan sebuah universiti perintis yang berusaha untuk memperkasakan bakat masa depan dan mengupayakan generasi awal demi mentransformasi kesejahteraan ilmu pengetahuan. Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS) dalam usaha menyokong usaha tersebut telah menubuhkan Jawatankuasa Kempen Membaca (JKM) untuk menabur bakti dengan mengadakan program kesedaran tentang kepentingan membaca dan memanfaatkan Perpustakaan dari peringkat awal. Program Jombaca@PHS merupakan program utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kempen Membaca (JKM) bertujuan berkongsi kepakaran tentang pengurusan Perpustakaan dengan masyarakat terutama komuniti dalaman USM. Pada tahun 2012 dan 2013, dua buah tadika di USM telah dikenalpasti untuk menjayakan program ini iaitu Koperasi Tadika Minden dan Tadika Lestari Ilmu, Pusat Islam. Program kemasyarakatan ini menggunakan model dan konsep yang sama, melibatkan projek gotong – royong menceriakan perpustakaan, penyusunan semula koleksi, pembangunan sistem perpustakaan dan penganjuran program bersama sempena Bulan Membaca. Sistem Perpustakaan yang dibangunkan di kedua-dua tadika ini adalah berasaskan sistem sumber terbuka (*open source system*) yang berupaya menjalankan fungsi operasi Perpustakaan, serta laporan statistik untuk justifikasi pembangunan koleksi di masa hadapan, selain mengukur sejauh mana koleksi perpustakaan berkembang dan dimanfaatkan oleh pelajar. Melalui program yang dijalankan ini, didapati kedua-dua tadika tersebut berupaya mengendalikan pengurusan Perpustakaan secara lebih sistematik.

**KATA KUNCI:** *Perpustakaan, kempen membaca, jom baca, jaringan masyarakat, Universiti Sains Malaysia*

## Pengenalan

Pengurusan pengetahuan merupakan kaedah baru percambahan maklumat di kalangan cendekiawan dan kini semakin berkembang kepada keseluruhan ahli masyarakat di Malaysia. Ini merupakan perkara yang sangat positif kerana membantu dalam pembangunan negara sama ada dari segi ekonomi dan juga dari segi pentadbiran.

Pengurusan pengetahuan mencakupi berbagai cabang dan semestinya untuk menguasai perkara tersebut memerlukan penelitian yang mendalam dan komitmen dari ahli yang ingin mengamalkannya. Namun usaha perkongsian ini tidak perlu untuk bermula dari peringkat akademik dan di dalam persekitaran yang formal sahaja. Inisiatif perkongsian pengetahuan boleh dimulakan dengan kerja-kerja kesukarelaan seperti yang telah dijalankan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia di dua buah tadika di Pulau Pinang dalam usaha membangunkan sistem pengurusan perpustakaan.

Perpustakaan Hamzah Sendut merupakan salah satu Pusat Tanggungjawab yang terletak di tengah-tengah kampus Induk Universiti Sains Malaysia. Ia ditubuhkan pada tahun 1969 dengan misi untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dan secara tidak langsung menyokong misi Universiti Sains Malaysia untuk memperkasakan bakat masa depan dan mengupayakan golongan terkebawah demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka.

JomBaca@PHS merupakan satu jenama kepada Jawatankuasa Kempen Membaca (JKM) di Perpustakaan Hamzah Sendut. Objektif jawatankuasa ini adalah mempromosi budaya membaca di kalangan warga USM secara khusus dan masyarakat luar amnya. Atas tanggungjawab yang telah diamanahkan, pihak Jawatankuasa telah merangka beberapa program yang memberi faedah kepada masyarakat sekitar Universiti Sains Malaysia. Untuk memastikan program ini berjaya, pihak Jawatankuasa atau skuad JomBaca@PHS telah memilih kumpulan sasaran yang berdekatan seperti Koperasi Tadika Minden dan Tadika Lestari Ilmu, Pusat Islam untuk memudahkan pemantauan dan konsultasi.

Objektif utama program ini adalah untuk menjenamakan semula pengurusan perpustakaan di kedua-dua buah tadika tersebut dan mewujudkan kerjasama dalam mengadakan Kempen Galakan Membaca dikalangan kanak-kanak. Dalam masa yang sama jawatankuasa ini telah menerapkan amalan perkongsian dan perpindahan pengetahuan terutamanya dari aspek ilmu pengurusan perpustakaan kepada staf-staf di kedua-dua tadika terbabit.

Sebelum ini, bahan-bahan perpustakaan di kedua-dua buah tadika hanya untuk kegunaan dalaman sahaja. Tetapi penggunaannya meluas apabila bahan-bahan tersebut boleh dipinjam keluar oleh murid-murid tadika dan juga staf.

Program ini terbahagi kepada dua fasa:

*Fasa pertama:*

Program keceriaan dan penyusunan semula buku-buku di Pusat Sumber mengikut klasifikasi yang lebih sistematik. Ini untuk memudahkan pencarian dan membantu guru-guru mengenalpasti bahan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Latihan pengkatalogan mudah telah diberikan kepada guru-guru dan staf-staf yang terlibat. Perkara ini telah mendapat maklumbalas yang positif di kalangan guru-guru dan staf-staf di mana mereka kini lebih memahami kepentingan pengurusan Pusat Sumber yang sebenar.

*Fasa kedua:*

Fasa pelaksanaan, di mana pada peringkat ini, semua yang terlibat akan mempersemprehankan hasil dari fasa pertama kepada peringkat Ahli Lembaga Pengarah dan juga Pengurusan Tertinggi masing-masing. Di peringkat ini, JomBaca@PHS juga telah mendapat reaksi dan maklumbalas yang memberangsangkan.

## Tinjauan Literatur

### ***Perkongsian pengetahuan dan maklumat***

Seawal tahun 1968, menurut Rosenberg (1993), golongan profesional di Afrika telah membincangkan mengenai konsep pusat maklumat di luar bandar. Keperluan pusat maklumat adalah bertujuan untuk pengaksesan terhadap maklumat lebih meluas oleh penduduk di luar bandar. Terdapat beberapa projek yang telah berjaya dilakukan seperti Bilik Membaca Kampung di Botswana, perpustakaan Osu yang mula dibangunkan di Ghana dan juga perpustakaan desa di Tanzania. Sturges (1994) di dalam kajiannya menekankan bahawa terdapat beberapa projek luar bandar yang berasaskan komuniti di Afrika telah berjaya dilakukan seperti menyediakan perkhidmatan membaca di Tanzania dan Botswana (termasuk bilik bacaan di rumah atau gereja); perkhidmatan mengedar buku di Mali; Projek Home Bulawayo di Zimbabwe (rumah seseorang individu yang digunakan sebagai tempat berkumpul untuk membaca dan bertukar-tukar maklumat/bahan) dan juga 23 sekolah dan komuniti bekerjasama menuju Perpustakaan Luar Bandar melalui Program Pembangunan Sumber. Perpustakaan ini ditubuhkan dan diuruskan oleh organisasi tempatan seperti gereja, sekolah atau kumpulan-kumpulan masyarakat. Kaniki (1994) di dalam kajiannya pula menyatakan bahawa pusat sumber di sebuah kawasan di luar bandar penting dalam menyediakan keperluan maklumat kepada masyarakat.

Kajian di Amerika Syarikat menyatakan bahawa orang ramai boleh menggunakan rangkaian komuniti dalam talian bagi memudahkan maklumat yang dicari diperolehi dan dapat digunakan pada setiap hari. Pada setiap laman web, data akan dikumpul dengan menggunakan kaji selidik dalam talian, pemerhatian, temu bual secara mendalam, dan fokus kepada pengguna internet, pembekal bahan di perpustakaan dan juga kakitangan. Internet merupakan medium yang paling cepat dalam menyebarkan maklumat. Di samping itu, perpustakaan awam juga dapat menyalurkan maklumat melalui peranti seperti komputer, kiosk awam, dan lain-lain. Pada tahun 1980-an, rangkaian komuniti (*community network*) adalah salah satu rangkaian yang berkembang pesat di kalangan perpustakaan. Antara rangkaian yang sering digunakan di kalangan perpustakaan adalah perbincangan berorientasikan komuniti, forum soal-jawab, akses maklumat di laman sesawang kerajaan dan perkhidmatan sosial, e-mel, dan juga melayari internet (Cisler,

1996; Durrance, 1994; Durrance & Pettigrew, 2000; Durrance, Savage, Ryan, & Mallinger, 1993; Durrance & Schneider, 1996; Gurstein, 2000; Schuler, 1994, 1996).

Di perpustakaan awam, maklumat komuniti (*community information, CI*) merupakan salah satu pangkalan data yang boleh diakses di mana-mana sahaja dengan hanya menggunakan internet. Selain itu, perkhidmatan CI digital boleh digunakan oleh mana-mana agensi, organisasi, dan individu seluruh masyarakat. Hasil daripada sistem CI digital, orang ramai boleh mengakses CI melalui terminal awam atau mana-mana peranti Internet di perpustakaan melalui rangkaian komuniti, yang membolehkan orang ramai mengakses tanpa mengira lokasi dan pada bila-bila masa sahaja sementara mendapatkan bantuan berkaitan maklumat yang ingin diperolehi daripada pustakawan.

### ***Jaringan masyarakat***

Menurut ("Community service defined," 2009) konteks jaringan masyarakat didefinisikan sebagai perkhidmatan termasuk perkhidmatan langsung, perancangan, dan penyelidikan gunaan yang dikenalpasti oleh institusi pendidikan tinggi, bersama syarikat-syarikat korporat dan juga badan-badan kerajaan yang lain berdasarkan komuniti tempatan di mana ia bertujuan untuk:

- meningkatkan kualiti hidup penduduk masyarakat, terutamanya individu berpendapatan rendah
- menyelesaikan masalah tertentu yang berkaitan dengan keperluan penduduk itu tetapi tidak terhad kepada bidang tertentu seperti penjagaan kesihatan, penjagaan kanak-kanak, pendidikan, latihan celik, kebajikan, perkhidmatan sosial, keselamatan awam, pencegahan dan kawalan jenayah, pengangkutan, rekreasi, perumahan dan kejiranan penambahbaikan, pembangunan luar bandar, dan peningkatan komuniti
- menyediakan pelajar dengan peluang-peluang yang menyertai kerja-pembelajaran yang berkaitan dengan program atau matlamat

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengukuhkan semangat silaturahim dan keakraban antara organisasi tersebut bersama masyarakat. Di peringkat Universiti, antara aktiviti kemasyarakatan yang dianjurkan adalah seperti lawatan ke pusat-pusat kebajikan (Rumah Orang Tua, Rumah Anak Yatim, Pusat Pemulihan OKU), aktiviti keilmuan misalnya seminar kepenggunaan, seminar

penulisan, seni dan kesusasteraan serta budaya masyarakat tempatan mahupun pengantarabangsaan, pembudayaan ‘Jiwa Alumni Murni’ di kalangan graduan dan juga menyediakan basiswa kepada masyarakat (pelajar) apabila dana mencukupi telah dibangunkan.

Menyedari perlunya sebuah mekanisma pentadbiran yang khusus bagi membangunkan jaringan akademia-industri-masyarakat, program jaringan masyarakat telah diperkenalkan di seluruh peringkat samaada di sekolah, IPTA, IPTS mahupun di sektor korporat. Pada September 2007, Kementerian Pengajian Tinggi di Malaysia telah menukuhan satu portfolio pengurusan tertinggi yang baru dinamakan Timbalan Naib Canselor bagi Jaringan Industri dan Masyarakat di empat universiti penyelidikan iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan sebuah lagi universiti tambahan iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM). Program jaringan industri dan masyarakat adalah berorientasikan khidmat di mana ia bertindak untuk menyokong teras penyelidikan, pendidikan dan khidmat yang dianjurkan oleh universiti dalam proses mengembangkan rangkaian aktiviti-aktiviti bersama industri dan masyarakat.

Bagi bidang kepustakawan, program jaringan industri dan masyarakat telah menjadi kerjaya berdasarkan perkhidmatan kepada masyarakat, khusus untuk memelihara perkataan dan budaya masyarakat dan berkongsi maklumat dengan penduduk tempatan (Wolverton & Heiselt, 2010). Bagi kebanyakkan pustakawan akademik di Amerika Syarikat, perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka tidak hanya bergantung kepada pelajar dan staf di universiti tersebut sahaja malah mereka telah meluaskan perkhidmatan mereka menerusi program jaringan masyarakat. Dengan adanya program sebegini, ia dapat membantu mereka di dalam proses kenaikan pangkat (ACRL Committee on the Status of Academic Librarians, 2005).

Di Mississippi State University (United States), program khidmat masyarakat disediakan kepada pustakawan-pustakawan di Universiti tersebut serta menawarkan beberapa pilihan program yang sedia ada dengan menggunakan kemahiran yang berkaitan dengan perpustakaan. Ia bagi membantu para pustakawan membangunkan kemahiran baru di kawasan-kawasan yang berbeza (Wolverton & Heiselt, 2010).

Manakala di Perpustakaan Awam Pulau Pinang, sejajar dengan visi Perpustakaan iaitu memastikan rakyat Pulau Pinang menikmati peluang perkhidmatan ‘hi-tec’ telah mengadakan pelbagai aktiviti jaringan masyarakat di sekitar negeri tersebut. Program jaringan kemasyarakatan ini bertujuan untuk memberi maklumat dan pengetahuan kepada penduduk sekitar Pulau Pinang kerana masalah jurang hidup di bandar dan luar bandar serta ada di antara mereka yang tidak mempunyai akses kepada kepentingan maklumat (Shukriah Yon, 2005).

Melihat kepada usaha kemasyarakatan yang berleluasa termasuklah yang melibatkan bidang kepustakawan di serata tempat, justeru Perpustakaan Hamzah Sendut melalui Jawatankuasa Kempen Membaca turut serta menganjurkan program sedemikian demi manfaat semua. Untuk permulaan, dua buah tadika yang paling hampir dengan Perpustakaan telah dipilih, maka terhasillah program **PHS@Tadika Koperasi Minden** dan **PHS@Tadika Lestari Ilmu**.

## **PHS@Tadika Koperasi Minden**

Universiti Sains Malaysia merupakan sebuah universiti perintis yang berusaha untuk memperkasakan bakat masa depan dan mengupayakan generasi awal demi mentransformasi kesejahteraan ilmu pengetahuan mereka. Justeru itu, Jawatankuasa Kempen Membaca (JKM) dengan kerjasama pelajar-pelajar dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan serta staf Koperasi Tadika Minden, USM telah mengadakan satu program jalinan masyarakat pada 14, 15 Mei dan 20 Jun 2012 yang bertempat di Koperasi Tadika Minden, USM. Aktiviti yang dijalankan ini merupakan satu platform terbaik bagi membolehkan Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS) dan Tadika Koperasi Minden berkongsi ilmu dan kepakaran serta informasi terkini dalam bidang pengurusan perpustakaan.

Koperasi Tadika Minden, USM, dipilih sebagai lokasi program tersebut kerana ia merupakan salah sebuah institusi pendidikan awal kanak-kanak di USM yang bermatlamat untuk menanam sifat cintakan ilmu dan gemar membaca. Menyedari perkara tersebut, JKM telah turun padang untuk menabur bakti dengan mengadakan program ini dengan fokus memberi kesedaran kepada warga tadika tentang kepentingan membaca daripada peringkat awal. Disamping itu, program ini juga merupakan landasan dimana pusat sumber sekolah akan dijadikan nadi gedung maklumat kepada pihak sekolah dan pada akhirnya memastikan inspirasi untuk melahirkan generasi yang berilmu dapat dicapai.

Progam ini mensasarkan kanak-kanak Koperasi Tadika Minden dari 3-6 tahun termasuk tenaga pengajar. Bagi menjayakan program ini, JKM telah mengambil pendekatan yang pelbagai untuk memastikan kejayaannya. Pengorganisasian koleksi Pusat Sumber merupakan salah satu pendekatan yang penting dalam menjayakan program ini. Ianya melibatkan proses pengkatalogan dan pengelasifikasian bahan dalam menguruskan koleksi perpustakaan. Sebelum diaplikasikan, pihak JKM dan pentadbir tadika telah berbincang untuk mendapatkan solusi terbaik dan persetujuan untuk menggunakan kaedah pengkatalogan dan pengelasifikasian yang dicadangkan. Kepakaran yang ada pada JKM ini dikongsikan sepenuhnya dan proses pemindahan ilmu (knowledge transfer) dapat diperturunkan kepada tenaga pengajar tadika meliputi kaedah penyusunan buku mengikut klasifikasi, penglabelan mengikut kategori, input data dan sebagainya .

Di samping itu, sebuah sistem perpustakaan berkomputer (*Open Source System*) telah dibangunkan mengikut spesifikasi yang bersesuaian dengan pusat sumber tadika. Sistem ini dibangunkan bertujuan merekodkan semua bahan yang terdapat di pusat sumber, selain menyediakan fungsi sirkulasi seperti pinjaman dan pemulangan bahan. Sistem ini juga mempunyai ciri mudah akses dan mesra pengguna. Pihak JKM telah memberikan taklimat komprehensif kepada guru-guru yang berkenaan tentang tata cara penggunaan sistem ini bagi membolehkan mereka menguruskan pusat sumber sendiri setelah tamat program. Namun begitu, dari semasa ke semasa guru-guru dinasihatkan untuk menghubungi pihak JKM jika menghadapi sebarang masalah dengan sistem dan untuk tujuan konsultasi. Selain itu, penjanaan statistik juga boleh dilakukan melalui sistem ini seterusnya boleh dijadikan justifikasi penggunaan pusat sumber dan pertambahan koleksi pada masa hadapan.

Pada tanggal 20 Jun 2012 telah diadakan pula Hari Terbuka bersama warga tadika bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim dan beramah mesra. Di samping itu, pelbagai acara menarik diadakan meliputi acara senam seni, *puppet show*, pertandingan mewarna, *jigsaw puzzle* dan *spell it right*. Pertandingan yang dipertandingkan pada hari tersebut merupakan program yang dapat mempertajamkan dan meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak. Diakhir sesi, majlis penutupan ringkas telah diadakan dengan dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi Perpustakaan Hamzah Sendut dan lembaga pengarah Koperasi Tadika Minden. Mereka dibawa melawat pusat sumber dengan wajah baharu sebelum bersurai.

Implikasi atau output yang diperolehi selepas program dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 6.1 Menjadi platform kepada aktiviti penjenamaan semula perpustakaan tadika-tadika di dalam USM.
- 6.2 Selepas dilakukan proses pengorganisasian koleksi pusat sumber, didapati koleksi dikelasifikasi dan tersusun dengan teratur dan sistematik.
- 6.3 Pengorganisasian koleksi – dikelasifikasikan mengikut pembahagian sumber bahan seperti koleksi rujukan, bersiri, fiksyen, bergambar dan sebagainya.
- 6.4 Sistem perpustakaan berkomputer - proses pinjaman dan pemulangan yang dilakukan secara manual ditukar kepada atas talian.

- 6.5 Data koleksi dan data pengguna dapat diakses melalui sistem perpustakaan berkomputer.
- 6.6 Laporan bagi setiap aktiviti perpustakaan dapat dijana melalui sistem perpustakaan berkomputer.
- 6.7 Semua koleksi perpustakaan dapat diakses melalui katalog atas talian (OPAC).
- 6.8 Keceriaan – pusat sumber dihiasi dan dicat mengikut kesesuaian kanak-kanak tadika. Ini menjadikan bilik pusat sumber bertambah ceria dan dapat menarik minat.



Aktiviti melukis mural



Pengkelasifikasian bahan



Mengecat pusat sumber



Aktiviti senam seni

## **PHS@Tadika Lestari Ilmu**

Tadika Lestari Ilmu merupakan sebuah institusi pendidikan awal di bawah seliaan Pusat Islam Universiti Sains Malaysia yang menerima kanak-kanak dalam lingkungan umur 4 tahun hingga 6 tahun. Keutamaan pengambilan pelajar diberikan kepada anak-anak staf, pelajar USM dan anak-anak qaryah dan masyarakat yang berminat. Objektif yang disasarkan dalam pembelajaran di Tadika Lestari Ilmu termasuklah untuk membimbing dan melatih kanak-kanak ke arah penghayatan hidup Islam melalui pengajaran dan permainan. Di samping itu, tadika turut memberi fokus dalam membimbing pelajar melalui kaedah tematik bagi membina kemahiran awal membaca, menulis, melukis dan mengira melalui aktiviti dalam kelas dan luar kelas. Berdasarkan tema-tema tertentu kanak-kanak di bimbing mengembangkan potensi dan kemahiran mereka dari segi kognitif, efektif dan psikomotor.

Di Tadika Lestari Ilmu terdapat sebuah perpustakaan kecil yang menempatkan bahan-bahan bacaan dan bahan permainan. Dengan keluasan lebih kurang 500 kaki persegi, perpustakaan ini dilihat cukup selesa sebagai tempat bacaan dan aktiviti pelajar. Namun begitu, hasil perbincangan awal bersama pihak pengurusan Tadika mendapati perpustakaan ini tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya atas beberapa kekangan yang sukar dielakkan. Tambahan pula pada masa itu, buku-buku hanya boleh dibaca di dalam perpustakaan sahaja pada waktu-waktu yang telah ditetapkan. Justeru, pihak JKM mencadangkan sebuah projek bersama yang diberi nama Jombaca@Tadika Lestari Ilmu untuk menaiktaraf perpustakaan sedia ada daripada semua aspek meliputi penjenamaan, keceriaan dan sistem berkomputer untuk manfaat warga tadika. Aktiviti jaringan masyarakat ini dijalankan pada 27, 28 Mac dan 15 Mei 2013 dengan kerjasama Pusat Islam beserta 12 orang pelajar dari Kor Sukarelawan USM.

Dua hari program pada 27 dan 28 Mac 2013 berlangsung dengan begitu pantas tatkala masing-masing sibuk menyiapkan tugas yang telah diamanahkan. Gotong-royong melibatkan tiga kumpulan; cat, mural dan sistem. Kumpulan cat fokus kepada urusan cat-mengecat dalam dan luar perpustakaan, kumpulan mural bertungkus lumus melukis dan menyiapkan mural di luar perpustakaan dan kumpulan sistem pula menyusun semula buku-buku mengikut kategori dan melakukan input maklumat buku ke dalam sistem sumber terbuka (open biblio) yang dibangunkan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut.

Sebelum ini, buku-buku di perpustakaan tadika tidak dibenarkan dipinjam keluar atas pelbagai kekangan. Namun setelah wujudnya sistem perpustakaan yang sistematik, pihak pengurusan tadika bersetuju untuk memberi peluang kepada pelajar meminjam buku-buku untuk dibaca di rumah. Selain itu, kadar pinjaman bahan juga dapat direkodkan bagi mendapatkan gambaran sejauh mana pelajar berminat untuk membaca. Tambahan pula, dengan munculnya perpustakaan dengan wajah baharu yang lebih ceria dan segar diharapkan dapat menarik lebih ramai pengunjung memanfaatkan gedung ilmu ini.

Lanjutan program fasa pertama, pada tanggal 15 Mei 2013 (Rabu), JKM telah menjayakan pula Hari Terbuka dengan pelbagai aktiviti menarik khas untuk adik-adik pelajar Tadika Lestari Ilmu, Pusat Islam USM. Program ini membawa visi menceriakan warga tadika melalui aktiviti senam seni,*cheer loud*,kuiz dan mewarna, seterusnya mengambil peluang memperkenalkan Perpustakaan dengan wajah baharu kepada pihak pengurusan tertinggi dan khalayak yang hadir.

Seawal jam 8.30 pagi, Pelajar Kor Sukarelawan memulakan aktiviti dengan senam seni diiringi rentak *chicken dance* dan senaman *sitomi*. Seketika kemudian, maskot tupai Marry Brown menyertai kami disambut dengan sorakan ceria anak-anak kecil. Sebilangan mereka mengambil peluang untuk bersalaman dengan maskot comel ini, tidak kurang juga yang sedikit takut melihat tupai yang bersaiz besar.

Kemudian, pelajar dibawa masuk ke dewan makan untuk sarapan. Minuman tajaan Vico turut memeriahkan suasana dengan 900 kotak minuman telah disumbangkan sepanjang hari terbuka ini. Setelah selesai bersarapan, pelajar mengikuti kuiz dan pertandingan mewarna mengikut kategori masing-masing. Sekitar jam 12.00 tengahari, majlis penutup program PHS@Tadika Lestari Ilmu telah diadakan dengan kehadiran pihak pengurusan tertinggi mewakili Pusat Islam dan Perpustakaan USM. Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disampaikan dalam majlis tersebut.

Rata-rata AJK berasa amat gembira menjayakan program ini ditambah pula telatah adik-adik kecil yang mencuit hati. Semoga usaha murni yang kecil ini membawa sedikit sinar kebaikan kepada

warga Tadika Lestari Ilmu terutama dalam membudayakan pembacaan melalui Pusat Sumber yang berwajah baharu.



Melukis mural



Mengecat pusat sumber



Penglabelan bahan dan input data



Taklimat kepada para guru



Kuiz



Pertandingan bina istana

## **OpenBiblio**

Sistem Perisian Sumber Terbuka (Open Source System) yang diberi nama ‘OpenBiblio’ merupakan sistem yang dibangunkan di pusat sumber Koperasi Tadika Minden dan Tadika Lestari Ilmu untuk memastikan bahan bacaan dapat diuruskan dengan lebih sistematik demi kemudahan pelanggan.

Perisian sumber terbuka telah dipilih bagi mengaplikasikan Sistem Berkomputer di pusat sumber berkenaan kerana perisian sumber terbuka adalah percuma serta mudah dibangunkan, dinaiktaraf dan digunakan oleh staf pusat sumber. OpenBiblio adalah salah satu sistem sumber terbuka Sistem Bersepadu Perpustakaan yang digunakan secara meluas oleh perpustakaan kecil dan luar bandar di seluruh dunia kerana kesederhanaan, sokongan bahasa yang luas, dan dokumentasi yang baik. OpenBiblio telah dicipta pada tahun 2002 oleh Dave Stevens, yang berminat dalam mewujudkan persekitaran yang mudah untuk digunakan, didokumenkan dan mudah dipasang. Penyelenggara terkini bagi OpenBiblio ialah Hans van der Weij.

Ciri-ciri OpenBiblio mencakupi setiap modul penting yang perlu dimainkan oleh perpustakaan sebenar seperti Modul Sirkulasi, yang digunakan untuk urusan pinjaman dan pemulangan serta membina data pelanggan. Modul Pengkatalogan pula membolehkan kakitangan untuk membina, mengubah atau memadam rekod bibliografi bahan, termasuk memuat naik ke dalam MARC rekod. Di samping itu, Katalog Akses Atas Talian (OPAC) juga disediakan sebagai katalog awam bagi memudahkan pelanggan mencari buku-buku secara atas talian. Modul Pentadbiran pula berperanan untuk konfigurasi dan pengurusan sistem, data perpustakaan, kakitangan, bahan, denda dan tetapan paparan muka. Akhirnya Modul Laporan turut disediakan bertujuan menjana laporan dan maklumat penting dari pangkalan data, termasuk surat tunggakan denda dan statistik penggunaan bahan-bahan perpustakaan. OpenBiblio menggunakan sintaks khas yang dipanggil RPT untuk laporan, supaya pengguna tidak perlu mempelajari PHP untuk membuat laporan.

Jawatankuasa Kempen Membaca (JKM) telah memanfaatkan kepakaran Encik Mohd Jamil Kasim, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29) dari Perpustakaan Kampus Kejuruteraan untuk membangun dan mengaplikasikan sistem perisian sumber terbuka menggunakan OpenBiblio di Pusat Sumber Koperasi Tadika Minden USM pada tahun 14 dan 15 Mei 2012 serta Pusat Sumber

Tadika Lestari, Pusat Islam USM pada tanggal 27 dan 28 Mac 2013. Diantara kelebihan sistem ini juga ialah pihak JKM berupaya meneliti perkembangan kedua-dua pusat sumber ini secara atas talian disebabkan pelayan (server)sistem ini ditempatkan dan dipantau di Perpustakaan sendiri. Sehingga 28 Jun 2013, statistik yang diperoleh daripada OpenBiblio menunjukkan Pusat Sumber Koperasi Tadika Minden telah merekod sejumlah 3162 bahan bacaan dan 219 orang pengguna. Manakala Pusat Sumber Tadika Lestari Ilmu pula merekodkan sebanyak 3187 bahan, diikuti 172 orang pengguna. Murid-murid di kedua-dua Pusat Sumber ini boleh mencari bahan-bahan secara atas talian melalui alamat laman web berikut:

**Pusat Sumber Koperasi Tadika Minden USM**

<http://englib.eng.usm.my/comnet/ktm/opac/index.php>

**Pusat Sumber Tadika Lestari Ilmu, Pusat Islam USM**

<http://englib.eng.usm.my/comnet/tli/opac/index.php>

The screenshot shows the OPAC interface for the Islamic Centre Library. At the top, it displays the library's name in English and Arabic, along with its logo. On the right, it shows the current date (Jun 10, 2013), library hours (Mon - Fri 8:30am-12pm), and phone number (04-6572031). The main content area is divided into sections: 'Bibliography Information', 'Bibliography Copy Information', and 'Additional Bibliographic Information'. The 'Bibliography Information' section contains fields for Material Type (book), Collection (Bergambar), Call Number (B CUR), Title (THE ANGRY OLD WOMAN), Personal name (JANET OH), Statement of responsibility, etc., and Show in OPAC (yes). Below this is a link to 'Add New Copy'. The 'Bibliography Copy Information' section shows a table with columns for Function, Barcode #, Description, Status, Status DT, and Due Back. A single row is listed with edit and del links, showing a barcode of 00000002359, checked in status, and a due date of 2013-04-11 14:45:27. The 'Additional Bibliographic Information' section shows the International Standard Book Number (9971055805). At the bottom, there are links for OPAC and Help, and the USM logo.

Paparan maklumat bahan

Perpustakaan Tadika Lestari ilmu Pusat Islam USM

today's date: Jun 10, 2013  
library hours: Mon - Fri 8:30am-12pm  
library phone: 04-6572031

[Home](#) [Circulation](#) [Cataloging](#) [Admin Reports](#)

[Logout](#)

Bibliography Search  
» New Bibliography  
Upload Marc Data  
Help

Add New Bibliography:

Fields marked with \* are required.

* Type of Material:	book
* Collection:	Agama
* Call Number:	
Show in OPAC:	<input checked="" type="checkbox"/>
USMARC Fields:	
Title:	
Remainder of title:	
Statement of responsibility, etc.:	
* Personal name:	
Topical term or geographic name as entry element:	
Topical term or geographic name as entry element 2:	
Topical term or geographic name as entry element 3:	
Topical term or geographic name as entry element 4:	
Topical term or geographic name as entry element 5:	
Edition statement:	
LC control number:	
International Standard Book Number:	

Paparan input data

Perpustakaan Tadika Lestari ilmu Pusat Islam USM

today's date: Jun 10, 2013  
library hours: Mon - Fri 8:30am-12pm  
library phone: 04-6572031

[Home](#) [Circulation](#) [Cataloging](#) [Admin Reports](#)

[Logout](#)

Member Search  
» Member Info  
Edit Info  
Delete  
Account  
Checkout History  
New Member  
Check In  
Offline Circulation  
Help

**Member Information:**

Name:	ANIS SAFIYA BT. JOHARI AFANDI
Address:	Perpustakaan Tadika Lestari
Card Number:	T201200076
Classification:	Student
Phone:	H:NULL W:NULL
Email Address:	NULL

**Checkout Stats:**

Material	Count	Limits	
		Checkout	Renewal
book	0	2	1
magazines	0	0	0
video/dvd	0	0	0

**Bibliography Check Out:**

Barcode Number: 00000002369	<a href="#">Search</a>	<a href="#">Check Out</a>
<a href="#">Override Due Date</a>		

Bibliographies Currently Checked Out: [\[print checkouts\]](#) [\[Renew All\]](#)

Checked Out Material	Barcode	Title	Author	Due Back	Renewal	Days Late
No bibliographies are currently checked out.						

**Place Hold:**

Barcode Number: [ ]	<a href="#">Search</a>	<a href="#">Place Hold</a>
---------------------	------------------------	----------------------------

Bibliographies Currently On Hold:

Function Placed On Hold	Material	Barcode	Title	Author	Status	Due Back
No bibliographies are currently on hold.						

Paparan untuk meminjam bahan

## **Penutup**

Secara keseluruhannya, melalui pelaksanaan aktiviti kemasyarakatan di kedua-dua tadika tersebut mendapati peningkatan yang ketara terhadap pengembangan ilmu dan pengetahuan di kalangan staf-staf tadika yang telah dikunjungi. Mereka kini lebih prihatin dan mula mengikuti perkembangan terkini dunia pengurusan maklumat. Antara lain kebaikannya adalah seperti berikut:

### *Hubungan antara organisasi dan masyarakat*

Mungkin ini bertitik tolak daripada aktiviti yang menyeronokkan dan jauh berbeza dari tugas rutin harian perguruan dan pentadbiran. Mereka mula membina jaringan dengan golongan luar daripada bidang perguruan. Kebaikan perkongsian dan pemindahan pengetahuan ini dapat menjana perhubungan yang lebih aktif di antara ahli masyarakat, di mana ilmu yang diperolehi tidak hanya tersimpan dalam satu organisasi sahaja. Kebaikannya dapat dirasai dengan lebih meluas dan boleh menjamin kesejahteraan sosial masyarakat secara menyeluruh.

### *Hubungan di antara organisasi dan organisasi*

Hubungan baharu dan strategik wujud di antara organisasi yang terjalin. Perkara ini tidak dapat dinafikan, dari aktiviti ini Perpustakaan Hamzah Sendut telah mempunyai rakan dalam rangkaian dalaman dan diharapkan rangkaian ini dapat diperluaskan lagi di kawasan sekitar Pulau Pinang dan luar.

### *Penjimatan kos dan masa operasi*

Selain daripada itu, perkongsian ini menyumbang kepada penjimatan kos operasi dan perundingan serta membantu organisasi kecil dalam menambahkan keberkesanan perkhidmatan kepada pelanggan sasaran mereka. Dengan perkongsian pengetahuan juga dapat mengelakkan pertindihan tugas serta meningkatkan produktiviti organisasi.

### *Pendokumentasian sistematis*

Dari segi kerja-kerja pendokumentasian, banyak perkara yang dapat disimpan sebagai panduan contohnya aliran proses kerja dan panduan penggunaan sistem. Sudah semestinya dengan wujudnya panduan ini dapat menjimatkan masa staf bertanggungjawab terhadap pengurusan

Pusat Sumber tersebut. Staf akan mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai langkah-langkah kerja serta memudahkan latihan kepada staf baru atau staf yang akan mengambil alih tugas tersebut.

Kesimpulannya, kelebihan perkongsian pengetahuan adalah sangat meluas namun kebaikannya hanya dapat dinikmati jika iaanya dipraktikkan dengan betul dan tanpa prejudis dari ahli yang mempraktikkannya.

## Rujukan

- ACRL Committee on the Status of Academic Librarians. (2005). A guideline for the appointment, promotion, and tenure of academic librarians: a draft. *College & Research Libraries News*, 66(4), 308-315.
- Cho, J. (2011). Study on a SaaS-based library management system for the Korean library network. *The Electronic Library*, 29(3), 379-393.
- Cisler, S. (1996). Weatherproofing a great, good place. *American Libraries*, 29(9), 42-46.
- Community service defined, 20, 1070c-4 Stat. (2009).
- Dent, V. F. (2006). Modelling the rural community library :Characteristics of the Kitengesa Library in rural Uganda. *New Library World*, 107(1220/1221), 16-30.
- Durrance, J. C. (1994). *Meeting community needs through job and career enters*. New York: Neal-Schuman.
- Durrance, J. C., & Pettigrew, K. E. (2000). Community information :The technological touch. *Library Journal*, 125(2), 44-46.
- Durrance, J. C., Savage, K. M., Ryan, M. J., & Mallinger, S. M. (1993). *Serving job seekers and career changers: A planning manual for public libraries*. Chicago: American Library Association.
- Durrance, J. C., & Schneider, K. G. (1996). *Public library community information activities :Precursors of community networking partnerships*. University of Michigan. Retrieved from <http://www.si.umich.edu/Community/taospaper.html>.
- Gurstein, M. (2000). *Community information: Enabling communities with information and communications technologies*. London: Idea Group Publishing.
- Kaniki, A. (1994). Community resource centres and resource centre forums in the transformation and post-transformation era in South Africa. *African Journal of Library, Archives and Information Science*, 4(1), 27-54.
- Rosenberg, D. (1993). Rural community resource centres: a sustainable option for Africa? *Information Development*, 9(1/2), 29-35.

Schuler, D. (1994). Community networks :Building a new participatory medium. *Communications of the ACM*, 37, 39-51.

Schuler, D. (1996). *New community networks :Wired for change*. New York: Addison-Wesley.

Shukriah Yon. (2005). *Reaching out to the community of Penang :Penang Public Library experience*. Paper presented at the International Conference on Libraries (ICOL), Pulau Pinang, Malaysia.

Sturges, P. (1994). Using grey literature in informal information services in Africa. *Journal of Documentation*, 50, 273-290.

Wolverton, R. E., & Heiselt, A. K. (2010). US academic librarians and community service: a case study. *New Library World*, 111(9/10), 381-390.